

Nama Murid		Tabur	4	_____
------------	--	-------	---	-------

011  
**INSTRUMEN PENILAIAN SEKOLAH**  
**BIL 1 / 2015**  
**Bahasa Melayu**  
**Pemahaman**  
**Mei 2015**  
**50 minit**

---

**BAHASA MELAYU**

**Pemahaman**

**TAHUN 4**

**Lima puluh minit**

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C dan D. Bagi tiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan kamu pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika kamu hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.*

---

Kertas soalan ini mengandungi 13 halaman bercetak dan 3 halaman tidak bercetak

**Soalan 1 hingga 20**

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

1. Tugas anggota \_\_\_\_\_ ialah mengawal keselamatan Negara.

- |           |            |
|-----------|------------|
| A tentera | C bomba    |
| B menteri | D pengawal |

**Soalan 2 berdasarkan gambar di bawah**

2. Pak cik Amin \_\_\_\_\_ sebuah bakul yang sarat dengan buah nanas.

- |             |              |
|-------------|--------------|
| A memunggah | C menjinjing |
| B menggalas | D menjunjung |

**Soalan 3 berdasarkan gambar di bawah**

3. Hang Tuah terkenal sebagai seorang pahlawan yang \_\_\_\_\_ perkasa.

- |         |          |
|---------|----------|
| A kuat  | C gagah  |
| B hebat | D lincah |

4. Tumbuh-tumbuhan akan hidup dengan subur \_\_\_\_\_ mendapat cahaya matahari dan air yang mencukupi.

A supaya                            C serta  
B meskipun                        D sekitaranya

Soalan 5 berdasarkan gambar di bawah



5. "\_\_\_\_\_ sakitnya kepala saya!" kata Ida kepada ibunya.

A Cis                              C Amboi  
B Wah                             D Aduh

6. \_\_\_\_\_ kah dia tidak hadir ke sekolah selama sebulan?

A Mana                            C Mengapa  
B Siapa                            D Bagaimana

7. "\_\_\_\_\_ siapkan kerja sekolah terlebih dahulu sebelum pergi ke pusat tuisyen," kata Puan Siti kepada anaknya.

A Usah                            C Minta  
B Jangan                        D Bagaimana

8. Johan dimarahi oleh ibunya kerana \_\_\_\_\_ menyiapkan kerja sekolahnya.

A sedang                        C sudah  
B belum                          D akan


9. Hazimah berasa gembira menerima sepucuk surat \_\_\_\_\_ abangnya yang belajar di England.

A dari                            C daripada  
B kepada                        D pada

10. \_\_\_\_\_ orang amat sukar mengakui kesilapan diri sendiri.

- |              |              |
|--------------|--------------|
| A Setengah   | C Sesetengah |
| B Sebahagian | D Seluruh    |

Soalan 11 berdasarkan gambar di bawah



11. Ayah meletakkan akuarium itu di \_\_\_\_\_ sebuah meja.

- |          |         |
|----------|---------|
| A bawah  | C atas  |
| B tengah | D dalam |

12. Kebanyakan murid yang tinggal jauh dari sekolah sering lewat ke sekolah.  
\_\_\_\_\_ mereka dinasihatkan agar keluar dari rumah lebih awal.

- A. Oleh sebab itu
- B. Walaupun
- C. Selain itu
- D. Seterusnya

13. Kanak-kanak itu dimasukkan ke wad kecemasan kerana \_\_\_\_\_ syiling lima sen.

- |             |              |
|-------------|--------------|
| A termakan  | C terpandang |
| B terpegang | D tertelan   |

14. "Tolong \_\_\_\_\_ sebungkus nasi lemak untuk nenek," kata nenek Bedah kepada cucunya.

- A buatkan
- B carikan
- C belikan
- D hantarkan

Soalan 15 berdasarkan gambar di bawah



15. Sofea bekerja sebagai seorang \_\_\_\_\_ di Syarikat Penerbangan Malaysia.

- A pramugara
- B peragawati
- C pramugari
- D peragawan

16. \_\_\_\_\_ itu terpaksa ditutup beberapa jam pada hari Jumaat yang lalu kerana rosak.

- A Jalan raya
- B Bandar raya
- C Pasar raya
- D Pasar malam

17. Kakak menghadiahikan emak sepasang \_\_\_\_\_ sempena hari lahirnya yang ke-50.

- A ranta-ranta
- B kura-kura
- C anting-anting
- D patung-patung

18. Di belakang rumah saya terdapat \_\_\_\_\_ anak sungai yang jernih airnya.

- A sebuah
- B sebiji
- C sebatang
- D sekaki

19. Farida dan keluarganya pergi \_\_\_\_\_ ke Pulau Tioman pada cuti pertengahan tahun.

- A makan hati
- B makan angin
- C angkat kaki
- D langkah kanan

Pilih perkataan **seerti** yang paling sesuai bagi perkataan yang bergaris

20. Pemandangan matahari terbenam pada waktu senja sungguh indah.

- |          |          |
|----------|----------|
| A kacak  | C cantik |
| B jelita | D bagus  |

Soalan 21 berdasarkan gambar di bawah ,

Pilih perkataan **berlawan** yang paling sesuai bagi perkataan bergaris.



21. Sesetengah serangga mengeluarkan bau yang busuk sebagai cara melindungi diri daripada musuh.

- |         |          |
|---------|----------|
| A wangi | C tengik |
| B hapek | D buruk  |

Pilih ayat tanya yang sesuai bagi ayat di bawah

22. Cikgu Asnidah akan mendirikan rumah tangga pada hujung tahun ini.

- A Mengapakah Cikgu Asnidah akan mendirikan rumah tangga pada hujung tahun ini?
- B Siapakah yang akan mendirikan rumah tangga?
- C Bilakah Cikgu Asnidah akan mendirikan rumah tangga?
- D Bagaimanakah Cikgu Asnidah akan mendirikan rumah tangga pada hujung tahun ini?

Pilih jawapan yang sesuai bagi ayat tanya di bawah.

23. Siapakah yang dilantik sebagai Ketua Kelas Tahun Lima Arif yang baharu?

- A Syafiqah Shahirah berbesar hati menerima pelantikanannya sebagai Ketua Kelas Tahun Lima Arif
- B Syafiqah Shahirah telah bersetuju untuk menjadi Ketua Kelas Tahun lima Arif yang baharu
- C Syafiqah Shahirah paling layak untuk menyandang jawatan sebagai Ketua Kelas Tahun Lima Arif yang baharu
- D Syafiqah Shahirah telah dilantik sebagai Ketua Kelas Tahun Lima Arif yang baharu.

Pilih ayat yang **sama maksud** dengan ayat yang diberikan.

24. Zaruni bertanya kepada Ali sama ada esok diadakan kelas tambahan atau tidak.

- A Zaruni bertanya kepada Ali, "Bilakah kelas tambahan akan diadakan?"
- B Zaruni bertanya kepada Ali, "Adakah kelas tambahan akan diadakan esok?"
- C Zaruni bertanya kepada Ali, "Mengapakah kelas tambahan telah ditunda?"
- D Zaruni bertanya kepada Ali, "Berapa lamakah kelas tambahan akan diadakan?"

25. Kakak membantu ibu memasak di dapur, manakala saya menjaga adik yang masih kecil.

- A Saya dan adik menjaga adik yang masih kecil ketika kakak membantu ibu memasak di dapur.
- B Kakak menjaga adik yang masih kecil ketika saya menolong ibu memasak di dapur
- C Saya menjaga adik yang masih kecil ketika kakak membantu ibu memasak di dapur.
- D Saya dan kakak menolong ibu menjaga adik di dapur.

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan bergaris dengan betul.

26. I. Pokok rambutan itu berbuah lebat kerana sering dibaja.  
 II. Petang itu hujan turun dengan lebat.  
 III. Walaupun baru berusia dua tahun, namun rambut adik sangat lebat.  
 IV. Sejak bermiaga sendiri, pendapatannya semakin lebat.

- A I sahaja  
 B I dan II sahaja  
 C I, II, dan III sahaja  
 D I, II, III, dan IV sahaja

27. I. Lepas kejadian itu, Sani tidak mahu ke sana lagi.  
 II. Peristiwa yang lepas, jangan dikenang.  
 III. Semenjak minggu yang lepas, kecederaannya semakin pulih.  
 IV. Kami tidak lepas peluang menyaksikan perlawanan akhir itu.

- A I dan II sahaja  
 B I dan III sahaja  
 C II, dan III sahaja  
 D II, III, dan IV sahaja

Pilih ayat-ayat yang betul.

28. A Di zaman dahulu, manusia tinggal di dalam gua.  
 B Tolong serahkan buku ini ke pegawai itu.  
 C Buku cerita saya ada pada Raihan.  
 D Azhar berasal daripada Johor.

29. A Shamie mendapat tempat pertama dalam pertandingan bercerita.  
 B Perabot itu diperbuat dari kayu jati.  
 C Kuala Lumpur adalah ibu negeri Malaysia.  
 D Sazana kelihatan paling tercantik.

30. A Ketiga orang perompak itu telah ditangkap polis.  
B Para pekerja itu telah dipecat oleh majikan mereka.  
C Berbagai usaha telah dilakukan untuk meningkatkan keputusan.  
D Tiap guru di sekolah itu sedang berkursus di PKG Melaka.

**Soalan 3 hingga 35**

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Yang mulia Tuan Pengerusi Majlis, barisan hakim yang adil lagi bijaksana, Guru Besar, guru-guru dan rakan-rakan yang dihormati. Salam sejahtera. Tajuk syarahan saya pada pagi ini ialah "Bahaya Dadah".

Hadirin yang saya kasihi,

Seperti yang kita tahu, dadah merupakan musuh kita yang paling berbahaya. Dadah bukan sahaja mengancam kesihatan kita, malah boleh membunuh kita. Dalam konteks negara pula, dadah merupakan musuh ketat negara kerana boleh mengancam keselamatan dan keamanan negara. Jika golongan muda terjebak dengan penyalahgunaan dadah, sudah tentu negara kita akan kehilangan ramai generasi muda yang akan memimpin negara suatu hari kelak. Keadaan ini boleh menyebabkan negara kita menjadi lemah berbanding negara lain.

Hadirin yang dihormati,

Seseorang yang ketagihan dadah sanggup melakukan jenayah untuk mendapatkan wang bagi membeli dadah. Antara jenayah yang sering dilakukan oleh penagih dadah ialah mencuri, merompak, meragut dan ada yang sanggup membunuh ahli keluarga mereka untuk mendapatkan wang bagi membeli dadah. Jenayah-jenayah yang dilakukan ini amat mengancam keselamatan dan keamanan negara.

Janganlah sekali-kali kita mencuba menghisap dadah atau terjebak dengan penyalahgunaan dadah. Sebagai murid, kita sepatutnya mengambil *iktibar* dan pada apa-apa yang telah berlaku dalam masyarakat kita pada hari ini. Kita juga haruslah pandai memilih kawan kerana kawan yang baik akan membawa kita ke arah kebaikan, manakala kawan yang jahat akan membawa kita ke arah kehancuran. Sekian sahaja syarahan saya. Terima kasih.

31. Siapakah yang menyampaikan syarahan itu?
- Guru
  - Murid
  - Pengerusi
  - Guru besar
32. Mengapa dadah dikatakan musuh ketat negara?
- Dadah boleh mengancam kesihatan negara
  - Dadah boleh menyebabkan berlakunya jenayah
  - Dadah boleh merosakkan akhlak anak-anak muda
  - Dadah boleh mengancam keselamatan dan keamanan negara
33. Berikut merupakan jenayah yang dilakukan oleh penagih dadah, kecuali
- membuli
  - meragut
  - membunuh
  - merompak
34. Perkataan *iktibar* dalam petikan di atas membawa maksud
- nasihat
  - manfaat
  - pengajaran
  - kesimpulan
35. Mengapa kita harus pandai memilih kawan?
- Supaya kita disanjung oleh guru-guru
  - Supaya kita menjadi polis apabila dewasa nanti
  - Supaya kita memperolehi banyak hadiah daripada kawan-kawan
  - Supaya kita tidak terjebak dengan kegiatan yang tidak baik

**Soalan 36 hingga 40**

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Keracunan makanan ialah masalah kesihatan yang disebabkan oleh pengambilan makanan yang tercemar atau tidak disediakan dengan sempurna. Makanan atau minuman yang tercemar disebabkan oleh jangkitan virus, bakteria atau parasit.

Kecenderungan seseorang untuk mendapat keracunan makanan bergantung kepada umur dan daya tahan tubuh mereka. Justeru itu, golongan yang mudah mengalami keracunan makanan ialah golongan kanak-kanak berbanding golongan dewasa. Hal ini kerana golongan ini mempunyai daya tahan tubuh badan yang rendah. Antara gejala keracunan makanan yang boleh berlaku kepada kita ialah berasa loya, demam, cirit-birit dan kejang di bahagian abdomen. Biasanya, makanan boleh dikesan setelah beberapa jam sebaiknya itu makan makanan yang tercemar.

Untuk mengelak daripada dijangkiti oleh kuman yang boleh menyebabkan keracunan makanan, kita mestilah mengensalkan tahap kesihatan yang tinggi. Contohnya, semasa proses penyediaan makanan seperti memasak makanan dengan sempurna, mencuci tangan sebelum makan, menutup makanan yang telah dimasak, dan memastikan makanan yang dimakan dalam keadaan baik dan selamat. Selain itu, kita juga mestilah menjauhkan binatang peliharaan daripada menghampiri makanan kita.

**36. Apakah yang menyebabkan makanan dan minuman tercemar?**

- A. Makanan dan minuman dibiarakan bertutup
- B. Makanan dan minuman dimasak dengan sempurna
- C. Makanan dan minuman tidak disimpan dengan selamat
- D. Makanan dan minuman dijangkiti oleh virus, bakteria atau parasit

**37. Mengapa golongan kanak-kanak mudah mendapat keracunan makanan?**

- A. Kerana tubuh kanak-kanak kecil
- B. Kerana daya tahan tubuh badan kanak-kanak yang rendah
- C. Kerana kanak-kanak tidak mencuci tangan sebelum makan
- D. Kerana kanak-kanak tidak pandai menjaga kesihatan

38. Pilih pernyataan yang tidak benar tentang petikan di atas.
- A. Penyediaan makanan yang sempurna boleh menghindar keracunan makanan.
  - B. Kanak-kanak merupakan golongan yang mudah mendapat keracunan makanan.
  - C. Golongan dewasa tidak mungkin mendapat keracunan makanan.
  - D. Cirit-birit merupakan salah satu gejala keracunan makanan
39. Perkataan berlawanan bagi *tercemar* ialah
- A. Bersih
  - B. Busuk
  - C. Kotor
  - D. Suci
40. Apakah tajuk yang sesuai bagi petikan di atas?
- A. Masalah kesihatan
  - B. Keracunan Makanan
  - C. Penyediaan Makanan yang Bersih
  - D. Jangkitan Virus, Bakteria, dan Parasit

### KERTAS SOALAN TAMAT